



Ruj Kami:UTM.J.17.03.04.01/10.12/22 (21)

18 Mac 2018

**NOTIS KEPADA MAHASISWA
BIL. 1 /2018**

Semua Mahasiswa
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

**PERMOHONAN KOLEJ KEDIAMAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
(KAMPUS JOHOR BAHRU) BAGI SESI AKADEMIK 2018/2019**

UTM menyediakan sebanyak 14,336 tempat penginapan di 10 kolej kediaman dalam kampus Johor Bahru. Setiap kolej kediaman dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti capaian internet, perkhidmatan bas dalam kampus, perkhidmatan pembersihan harian serta lain-lain kemudahan bagi kesenangan para mahasiswa.

Suasana di dalam kampus yang kondusif di samping jaminan kawalan keselamatan oleh pihak Unit Keselamatan UTM diharap membantu para mahasiswa mencapai kecemerlangan akademik sepanjang pengajian mereka di UTM.

Berikut merupakan peraturan proses permohonan kolej kediaman UTM kampus Johor Bahru bagi sesi akademik 2018/2019:

1.0. PENEMPATAN MAHASISWA DI KOLEJ KEDIAMAN

- 1.1 Mahasiswa UTM akan ditempatkan di kolej kediaman seperti berikut:

<u>TEMPATAN</u>	<u>ANTARABANGSA</u>
<u>IJAZAH PERTAMA</u>	
Pengambilan baru sesi 2018/2019 (<u>Tahun pertama & tahun kedua</u>)	<i>Wajib tinggal dalam kampus</i> <i>Wajib tinggal dalam kampus</i>
Mahasiswa kanan	<i>Wajib tinggal dalam kampus</i> <i>Digalakkan tinggal dalam kampus, tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman</i>
<u>PASCA IJAZAH</u>	<i>Digalakkan tinggal dalam kampus, tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman</i> <i>Digalakkan tinggal dalam kampus, tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman</i>

- 1.2 UTM juga memberikan kemudahan bagi golongan mahasiswa berikut untuk tinggal di dalam kampus.

1.2.1 Penempatan **mahasiswa PALAPES** adalah di **KTDI** dan perlu mendapatkan pengesahan sebagai ahli daripada markas PALAPES. Semua mahasiswa ini dikehendaki mendaftar terus ke Pejabat KTDI mulai **25 hingga 29 Mac 2018**.

1.2.2 Penempatan **mahasiswa SUKSIS** adalah di **KTC** dan perlu mendapatkan pengesahan sebagai ahli daripada markas

SUKSIS. Semua mahasiswa ini dikehendaki mendaftar terus ke Pejabat KTC mulai **25 hingga 29 Mac 2018**.

- 1.2.3 Penempatan **mahasiswa 5 ETP** adalah di **KTHO** dan dikehendaki mendaftar terus ke Pejabat KTHO mulai **25 hingga 29 Mac 2018**
- 1.2.4 Permohonan untuk rumah **mahasiswa berkeluarga** adalah melalui borang khas yang boleh diperolehi di Kolej Perdana.

2.0. PROSES PERMOHONAN

2.1 PERMOHONAN DALAM TALIAN

- 2.1.1 Permohonan asrama dibuat secara dalam talian di laman web <http://hostel.utm.my>.
- 2.1.2 User ID dan kata laluan ACID diperlukan semasa login.

2.2 TARIKH PERMOHONAN

- 2.2.1 Mahasiswa diingatkan untuk mengambil maklum tarikh permohonan kolej kediaman seperti berikut:

	<u>TEMPATAN</u>	<u>ANTARABANGSA</u>
IJAZAH	<u>18 – 24 April 2018</u>	<u>26 April – 2 Mei 2018</u>
PERTAMA		
PASCA	<u>4 – 10 Mei 2018</u>	<u>26 April – 2 Mei 2018</u>
IJAZAH		

- 2.2.3 Proses permohonan bermula pada jam 10.00 pagi. Mahasiswa digalakkan menggunakan kemudahan komputer di Perpustakaan UTM dan CICT bagi memastikan kelancaran capaian laman web sewaktu proses permohonan.

2.3 SENARAI KOLEJ KEDIAMAN YANG DITAWARKAN

- 2.3.1 Mahasiswa dinasihatkan untuk merujuk **LAMPIRAN 1** (*Senarai kolej yang ditawarkan kepada mahasiswa secara "online"*) bagi memilih kolej kediaman yang sesuai dengan keperluan pengajian masing – masing.
- 2.3.2 **Semua mahasiswa yang menginap di kolej Lingkaran Dalam (KRP, KTF, KTR, KTHO, KTDI dan KTC) tidak dibenarkan memiliki/menggunakan kenderaan persendirian kecuali mendapat kebenaran khas dari Pengetua Kolej sahaja.**

2.4 KADAR SEWA BILIK KOLEJ KEDIAMAN

- 2.3.1 Mahasiswa dinasihatkan untuk merujuk **LAMPIRAN 2** (*Kadar sewa bilik kolej kediaman*) bagi memilih bilik yang sesuai dengan keperluan pengajian masing – masing.

2.5 PERINGATAN UMUM

- 2.5.1 Mahasiswa dinasihatkan supaya mengambil berat tentang pemilihan kolej dan jenis bilik yang bakal dipohon. **Sebarang pindaan selepas permohonan asrama tidak dibenarkan.**
- 2.5.2 Keputusan permohonan penginapan masing-masing boleh **diketahui serta merta** selepas mahasiswa melengkapkan proses permohonan kolej kediaman.
- 2.5.3 Mahasiswa yang telah memohon kolej kediaman melalui lawan web <http://hostel.utm.my> dan nama mereka ada dalam sistem dikira berjaya dalam proses permohonan.
- 2.5.4 Caj kolej kediaman akan didebitkan secara automatik ke dalam akaun mahasiswa. Jumlah caj yang didebit adalah bagi tempoh **satu semester** dan mengikut kadar bilik yang ditetapkan.
- 2.5.5 Mahasiswa yang **telah memohon kolej kediaman tetapi tidak mengambil kunci bagi sesi tersebut** perlu

membayar caj kolej kediaman yang telah didebitkan ke dalam akaun masing – masing.

- 2.5.6 Nama mahasiswa kanan ijazah pertama yang tidak mendaftar kolej kediaman atau tidak memberi sebarang maklumat kepada Unit Perumahan & Kolej Kediaman (UPKK), Pejabat TNCP UTM dalam tempoh **satu minggu sebelum sesi pengajian bermula** akan dimasukkan ke dalam sistem pendaftaran kolej kediaman secara automatik. Mereka akan ditempatkan di mana-mana kolej dan sewa akan dikenakan mengikut kadar bilik yang ditetapkan.
- 2.5.7 Mahasiswa yang keluar dari kolej kediaman dalam waktu sesi pengajian tanpa kebenaran daripada pihak Universiti perlu membayar keseluruhan sewaan untuk semester tersebut.
- 2.5.8 Bagi mahasiswa yang telah membuat bayaran yuran kolej kediaman tetapi masih berhasrat untuk keluar sebelum tamat semester, yuran kolej kediaman mereka tidak akan dipulangkan.
- 2.5.9 Mahasiswa yang berjaya mendapat bilik berdua dan berhasrat memilih **rakan sebilik** hendaklah memaklumkan secara bersurat dengan ditandatangani oleh kedua-dua orang mahasiswa. Maklumat hendaklah dikemukakan ke Pejabat kolej berkaitan sebelum **12 Jun 2018 (Selasa)**.
- 2.5.10 Mahasiswa kanan ijazah pertama yang ingin menginap di kolej kediaman melalui **kuota pengetua** dikehendaki mengisi borang yang disediakan dan dikehendaki menyerahkan semula ke Pejabat Kolej sebelum **29 Mac 2018 (Khamis)**.
- 2.5.11 Sebarang permohonan pertukaran bilik atau kolej selepas 2 minggu dari tarikh sesi akademik bermula akan dikenakan **caj perkhidmatan**.
- 2.5.12 Mahasiswa antarabangsa yang mempunyai hutang asrama dengan UTM akan disenaraihitamkan dari proses permohonan penginapan dan tidak dibenarkan membuat

permohonan secara “online” atau melalui kuota pengetua sehingga semua hutang asrama dijelaskan.

3.0. LATIHAN INDUSTRI / MENGAJAR

- 3.1 Mahasiswa yang menjalani **latihan industri atau latihan mengajar di sekitar Johor Bahru** pada semester 1 sesi akademik 2018/2019 dan berhasrat untuk tinggal di dalam kampus perlu membuat **permohonan kolej kediaman secara terus dengan Pejabat Kolej**. Penempatan mahasiswa tertakluk kepada kekosongan kolej.
- 3.2 Mahasiswa yang menjalani **latihan industri atau latihan mengajar di luar Johor Bahru** pada semester 1 sesi akademik 2018/2019 diminta memaklumkan kepada **Pengurus Asrama Kanan, Unit Perumahan & Kolej Kediaman, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)** secara bertulis. Surat menyurat berhubung perkara ini hendaklah disahkan oleh pihak Fakulti dan hendaklah sampai ke Pejabat UPKK di Blok MA 02 Arked Angkasa (KTDI) sebelum atau pada **12 Jun 2018 (Selasa)**.

4.0 PENYEWAAN SEMASA CUTI SEMESTER

- 4.1 Mahasiswa yang ingin menginap di dalam kampus semasa cuti semester boleh membuat penyewaan di semua kolej.
- 4.2 Mahasiswa yang membuat penyewaan sewaktu cuti semester dinasihatkan supaya mematuhi keputusan penempatan bilik oleh pejabat kolej.
- 4.3 Bayaran untuk penyewaan semasa cuti adalah secara tunai. Bayaran secara **“Debit charge”** adalah tertakluk kepada kelulusan pihak kolej.
- 4.4 Mahasiswa dinasihatkan supaya mengambil maklum kemudahan universiti dan lain-lain perkhidmatan yang disediakan sewaktu cuti semester. Untuk makluman, perkhidmatan bas dalam kampus tidak disediakan dan kemudahan makanan hanya boleh diperolehi daripada arked-arked tertentu sahaja.

Diharap semua mahasiswa mengambil maklum proses permohonan kolej kediaman seperti yang telah ditetapkan dan memanfaatkan kemudahan penginapan sedia ada di dalam kampus.

Selamat bercuti kepada semua mahasiswa! Bagi mahasiswa yang bakal menjalani latihan industri / latihan mengajar pada semester 1 sesi 2018/2019, selamat maju jaya.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH "

Yang benar,



SEIDI BIN MOHAMAD

Pengurus Asrama Kanan
Unit Perumahan & Kolej Kediaman
Kluster Hospitaliti
Business Management Division
Pejabat TNCP
b.p. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

s.k - Dekan Sekolah Pengajian Siswazah

- Pengarah CICT

- Ketua Pustakawan PSZ

} *Kerjasama pihak saudara dipohon untuk
menbenarkan mahasiswa menggunakan
kemudahan komputer ditempat saudara
bagi tujuan pendaftaran kolej kediaman.*

Lampiran I

SENARAI KOLEJ YANG DITAWARKAN KEPADA MAHASISWA SECARA “ONLINE”

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	KOLEJ	JENIS BILIK	JANTINA
1	Ijazah Pertama Tempatan	Semua kolej kecuali KTF, KDSE & KDOJ	Seorang , Berdua & Seorang+ bilik air	Lelaki
		Semua kolej kecuali KDSE & KDOJ	Seorang , Berdua & Seorang+ bilik air	Perempuan
2	Pasca Ijazah Tempatan	KTR (K11), KTDI (MA01) , Kolej 9 & 10 & KDOJ	Seorang + bilik air & Seorang	Lelaki
		KDSE , Kolej 9 & 10	Seorang & Berdua	Perempuan
3	Mahasiswa Antarabangsa	KRP	Seorang + bilik air	Lelaki
		KDOJ	Seorang	Lelaki
		KTF & KTHO	Seorang + bilik air	Perempuan
		KDSE, Kolej 9 & 10	Seorang	Perempuan
		KTDI & KTF (H22)	Seorang (Executive)	Perempuan

Lampiran II

KADAR SEWA KOLEJ KEDIAMAN SESI 2018/2019

Kolej	Jenis Bilik	Kadar Sewa/Hari	
		Mahasiswa Tempatan	Mahasiswa Antarabangsa
Kolej Rahman Putra	Seorang dengan bilik air	RM 8.00	RM20.00
	Seorang	RM 6.00	RM15.00
	Berdua	RM 4.00	RM12.00
Kolej Tun Fatimah	Seorang (Executive)	RM 30.00	RM30.00
	Seorang dengan bilik air	RM 8.00	RM20.00
	Seorang	RM 6.00	RM15.00
	Berdua	RM 4.00	RM12.00
Kolej Tun Razak	Seorang dengan bilik air	RM 8.00	RM20.00
	Seorang	RM 6.00	RM15.00
	Berdua	RM 4.00	RM12.00
Kolej Tun Hussien Onn	Seorang dengan bilik air	RM 8.00	RM20.00
	Seorang	RM 6.00	RM15.00
	Berdua	RM 4.00	RM12.00
Kolej Tun Dr Ismail	Seorang (Executive)	RM 40.00	RM40.00
	Seorang dengan bilik air	RM 8.00	RM20.00
	Seorang	RM 6.00	RM15.00
	Berdua (Executive)	RM 25.00	RM25.00
	Berdua	RM 5.00 RM 4.00	RM12.00
Kolej Tuanku Canselor	Seorang	RM 6.00	RM15.00
	Berdua	RM 4.00	RM12.00
Kolej Perdana	Seorang	RM 6.00	RM12.00
	Berdua	RM 4.00	RM10.00
Kolej 9 & 10	Seorang	RM 6.00	RM12.00
	Berdua	RM 4.00	RM10.00
Kolej Datin Seri Endon	Seorang	RM 6.00	RM12.00
	Berdua	RM 4.00	RM10.00
Kolej Dato Onn Jaafar	Seorang	RM 6.00	RM12.00

Jenis Rumah	Mahasiswa Tempatan/ Bulan	Mahasiswa Antarabangsa/ Bulan
Apartmen 2 Bilik	RM450.00	RM480.00
Apartmen 2 + 1	RM520.00	RM550.00
Apartmen 2 + 1 Deluxe	RM740.00	RM770.00
Apartmen 2 + 1 Suite	RM1070.00	RM 1100.00

